

Bosan kampung jadi tempat buang sampah

Berita Harian 11/05/2010 MS 7
Penduduk dakwa lori tak hirau penghuni

KAJANG: Kewujudan longgokan sampah dan sisa binaan sepanjang kira-kira 100 meter di tebing sungai di Kampung Sungai Balak Dalam di sini menimbulkan tanda tanya kalangan penduduk setempat apabila ia seolah-olah menjadi tempat 'sah' pihak tidak bertanggungjawab membuang bahan buangan berkenaan.

Penduduk mendakwa pemandu lori sering membuang sisa longgokan sampah dan sisa binaan di kawasan tebing sungai itu tanpa menghiraukan kenderaan penduduk yang lalu lalang.


Longgokan sisa buangan itu menyebabkan kawasan tebing sungai berkenaan menjadi kotor dan ada yang mengalir ke dalam sungai yang hanya beberapa meter apabila hujan lebat.

Seorang penduduk, Mohd Riduan Md Noor, 28, berkata longgokan sampah itu menyebabkan kira-kira 10 keluarga yang tinggal di Kampung Sungai Balak Dalam yang menggunakan jalan itu terpaksa menanggung kesan perbuatan tidak bertanggungjawab berkenaan.

Katanya, pelbagai tindakan diambil penduduk termasuk melaporkan kepada pihak berkuasa tetapi selepas dibersihkan kawasan itu dipenuhi semula dengan sampah dan sisa buangan pembinaan.

"Keadaan ini berlaku lebih lima tahun lalu dan sepanjang tempoh itu penduduk terpaksa melalui kawasan yang kotor dan jalan menjadi rosak. Apabila hujan keadaan menjadi becak selepas lumpur yang dibuang mengalir ke jalan berhampiran.

"Penduduk sudah bosan dengan keadaan ini dan tidak tahu tindakan yang boleh diambil untuk menghalang lori daripada membuang sampah dan sisa binaan di



SAMPAH yang dibuang berhampiran sungai di Kampung Sungai Balak Dalam, Cheras.

situ kerana mereka seperti tidak takut kepada pihak berkuasa," katanya, semalam.

Difahamkan, pemandu lori membuang sisa binaan itu ketika tengah hari, petang dan malam. Sisa buangan itu dipercayai daripada tempat pembinaan di kawasan sekitar.

Tinjauan *Sentral* mendapati terdapat longgokan sisa buangan binaan yang baru dibuang berdasarkan keadaan tayar kenderaan yang masih baru.

Seorang penduduk yang hanya mahu dikenali sebagai Jai. 27,

“Keadaan ini berlaku lebih lima tahun lalu dan sepanjang tempoh itu penduduk terpaksa melalui kawasan yang kotor dan jalan menjadi rosak”

Mohd Riduan Md Noor
Penduduk

berkata pihak bertanggungjawab perlu meletak pagar di tebing sungai itu bagi mengelak mereka yang tidak bertanggungjawab terus membuang sisa binaan berkenaan.

"Sebelum ini, kawasan tebing sungai ini sudah dibersihkan pihak berkuasa tetapi beberapa bulan kemudian sampah kembali banyak dan bertimbun.

"Jika kawasan ini dipasang dengan pagar tentu ia menghalang pemandu lori ini daripada terus membuang sisa binaan," katanya.